

24 DEC 1999

Ishak-Waad

ORANG RAMAI PERSOALKAN WAAD BERTANDING P/RAYA, KATA ISHAK

SEREMBAN, 24 Dis (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Lenggeng Datuk Ishak Ismail hari ini berkata walaupun ADUN Gemencheh Datuk Waad Mansor telah meletak jawatan exco tetapi persoalannya ialah bagaimana orang yang menghadapi kes mahkamah diberi ruang untuk bertanding pada pilihan raya.

Perkara itu akan dipersoalkan oleh orang ramai sama ada anggota Umno atau bukan, kata Ishak kepada pemberita selepas persidangan Dewan Undangan Negeri di sini.

Katanya soalan pokok timbul bagaimana Waad boleh bertanding pilihan raya sedangkan dia sedang menunggu perbicaraan dua lagi kes di mahkamah, manakala Badan Pencegah Rasuah sudah mengemukakan notis rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi di sini yang mendapati dia tidak bersalah atas tiga pertuduhan rasuah.

Waad dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada 27 Mei 1998 atas lima tuduhan rasuah. Kes itu kemudian dipindahkan ke Mahkamah Tinggi di sini, dan pada 8 Okt lepas mahkamah mendapatinya tidak bersalah atas tiga tuduhan.

Pada pilihan raya lepas Waad berjaya mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Gemencheh. Beliau dilantik dan mengangkat sumpah anggota exco pada 13 Dis lepas tetapi meletak jawatan itu pada 18 Dis selepas beberapa pemimpin Umno negeri mempertikaikan pelantikannya.

Ishak berkata semasa kes Waad didengar di mahkamah dahulu, Waad telah mengambil cuti dan tidak hadir pada persidangan Dewan Undangan Negeri.

Katanya ini merupakan sesuatu yang bertentangan dengan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa anggota Parlimen Barisan Nasional (BN) yang tidak menghadiri sidang Dewan Rakyat mungkin tidak disenaraikan sebagai calon pada pilihan raya umum akan datang.

Ishak juga berkata beliau ada menemui Dr Mahathir di Pulau Langkawi tidak lama dahulu tetapi tidak sempat untuk menyuarakan perkara berhubung isu Waad ini kerana menurutnya Dr Mahathir ketika itu sibuk.

Ketika ditanya mengenai kenyataan Ketua Umno Bahagian Jelebu Yunus Rahmat di dalam akhbar hari ini yang meminta Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad memberi penjelasan lengkap secara bertanggungjawab berhubung isu pelantikan Waad sebagai exco, Ishak berkata sebagai Ketua Bahagian, Yunus berhak memberi pandangan dan meminta penjelasan.

Mohamed Isa ketika ditemui enggan mengulas dengan berkata "tiada apa yang hendak saya komen."

-- BERNAMA

AZ zb